



Keluarga Liarkan WANITA MUDA

KETIKA usia Lia (bukan nama sebenar) tujuh tahun, kedua-dua ibu bapanya meninggal dunia kerana terlibat dalam kemalangan jalan raya. Tinggallah Lia bersama dengan kakak (12 tahun) dan abang (berusia 17 tahun). Tiada saudara-mara yang mengambil berat kebajikan mereka. Abang dan kakak sering menonton VCD lucah. Apabila berusia 14 tahun, Lia dirogol dan sejak itu dia menjadi pemuas nafsu si abang. Perkara itu diberitahu kepada kakak, tetapi apakan daya, kerana kakak juga pernah menjadi pemuas nafsu abang sebelum ini.

Kerana keprihatinan jiran, perbuatan abangnya terbongkar. Ia dikesan setelah Lia mengandung. Abangnya ditahan polis. Oleh sebab dia masih di bawah umur, Lia dimasukkan ke pusat pemulihan. Selepas berusia 18 tahun, dia dibebaskan. Dia kembali ke rumah dan tinggal dengan kakak. Kehidupannya tetap seperti dahulu, bebas tanpa siapa yang menegur. Kakaknya pula silih berganti teman lelaki dan balik waktu subuh. Atas ajakan dan desakan rakan-rakan sebaya, Lia bekerja di sebuah salon kecantikan di pinggir ibu kota. Tugasnya diibaratkan sebagai dua dalam satu, gunting rambut dan perkhidmatan berbayar.

Kisah Lia tidak berhenti di situ. Kisah seperti itu memang banyak dan pelbagai. Rata-rata penglibatan kaum Hawa dalam aktiviti seperti itu beribu jumlahnya. Faktor penglibatan mereka adalah pelbagai. Antaranya untuk mencari wang secara mudah, tugas melayan lelaki dianggap rezeki yang halal, mereka menjadi mangsa eksploitasi sistematik oleh tauke-tauke kelab malam dan atas desakan hidup. Tetapi agak menghairankan bagaimana begitu senang pihak berkuasa tempatan meluluskan permit kelab-kelab malam di negara ini.

Di sini timbul pelbagai persoalan. Tidak adakah pihak yang berani menegur tauke-tauke kelab malam ini atau pihak berkuasa begitu mudah meluluskan permit pusat hiburan. Para pegawai perhu-

LAPORAN KHAS

Oleh MOHD. SHAHAR AKASHAH, NOR SHAMSINOR BAHARIN, MUHD IZHAR ABU SAMAH dan ALI MAHMOOD

Foto Sharil Nizam Mohd. Zain dan Rahman Salleh

Wanita KL Bebani JAWI.....28	Kekalahan Sosial: Nilai Murni
Moral Runtuh Akibat Kecewa Dan	Ditewaskan.....34
Dendam.....30	Malaysia Tumpuan Pelacur Asing.....35
Interviu Dr. Siti Zaharah Sulaiman	Interviu Gadis-Gadis Muda
Bersama Tangani Masalah Sosial	Bermasalah.....37
Wanita.....32	


bungan pelanggan (GRO), nama jawatan kebanyakan wanita yang bekerja di kelab-kelab malam, seolah-olah tidak mengendahkan teguran yang dibuat oleh pihak berkuasa. Adakah kerana mereka mahu memenuhi desakan hidup? Atau adakah kerana mereka dilindungi? Betulakah kewujudan kelab-kelab malam dan dangdut bagai cendawan tumbuh lepas hujan disebabkan pihak berkuasa mempunyai kepentingan tertentu atau mungkin tumbuhnya pusat-pusat hiburan ini bertujuan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk kaum wanita?

Semua ini adalah antara isu-isu sosial yang semakin mendapat perhatian pelbagai pihak di negara ini. Masalah ini timbul seiring dengan perkembangan ekonomi negara. Proses pembangunan dan kemajuan tidak akan dapat lari daripada masalah ketidakseimbangan di antara pembangunan fizikal dengan pembangu-

nan rohaniah.

Malaysia mempunyai 23 juta orang penduduk dengan hampir 10 juta adalah mereka yang mempunyai pekerjaan. Daripada jumlah itu, lebih tiga juta penduduk wanita mempunyai pekerjaan.

Proses transisi dan arus pemodenan yang dinikmati sekarang menyebabkan hubungan kekeluargaan semakin longgar. Dan ini dikenal pasti sebagai punca gejala sosial. Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman memberitahu, sebahagian ibu bapa moden sekarang terpaksa bekerja keras bagi memenuhi tuntutan dan keperluan yang semakin mendesak. Kerana terlalu sibuk mengejar masa dan habuan material, ramai ibu bapa yang memberikan kepercayaan menjaga anak-anak sepenuhnya kepada orang gaji. Apabila hubungan itu renggang, anak-anak akan melakukan sesuatu





Kehidupan malam di sebuah pusat hiburan di Kuala Lumpur. - Gambar hiasan

yang menghiburkan diri. Mereka akan mencari keseronokan. Peluang seperti itu digunakan sewaktu ibu bapa tiada di rumah. Ini juga antara sebab berlakunya permasalahan tersebut.

Baru-baru ini hangat diperkatakan pelajar sekolah menengah juga terlibat dalam aktiviti pelacuran walaupun peratusnya tidak tinggi. Banyak juga terdiri daripada pelajar kolej swasta. Bukan sahaja wanita tempatan terlibat dalam kegiatan tidak bermoral seumpama itu tetapi wanita asing yang berada di negara ini juga terbabit. Malah jumlah mereka jauh lebih tinggi. Menurut laporan Kementerian Pendidikan, kini ada 2,914 pelajar asing menuntut di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan 11,948 pelajar asing menuntut di IPTS dengan

seramai 5,587 pelajar dari China. Seseengah mereka menyalahgunakan pas pelajar dengan bekerja sebagai GRO kononnya untuk mendapatkan wang untuk belajar. Namun tidak dinafikan ada juga yang dibawa masuk ke negara ini dengan janji manis mendapat pekerjaan baik seperti pekerja kilang atau pembantu rumah tetapi dipaksa melacur atau menjadi GRO di pusat hiburan. Ada yang menjadi mangsa sindiket.


Menurut Ketua Polis Selangor, Datuk Mohd. Noor Hamat, penglibatan remaja bawah umur dalam kegiatan tidak bermoral biasanya dilakukan secara sukarela pada peringkat awal kerana terpengaruh dengan pujukan teman lelaki. "Biasanya di peringkat permulaan, mangsa terma-kan pujukan teman lelaki sama ada

untuk keluar berdua-duaan atau lebih teruk lagi lari dari rumah."

Selepas terlanjur dan menyedari dirinya terperangkap kerana dijadikan pelacur atau dipaksa berkhidmat sebagai GRO barulah remaja itu sedar dan insaf. Ada kalanya mereka mudah melarikan diri tetapi kebanyakannya sukar untuk meloloskan diri kerana *bouncer* sentiasa menjaga mereka. Tidak dinafikan ada juga yang terlibat kerana pengaruh kawan-kawan.

Pada mulanya mereka hanya ingin berseronok dan kemudian ketagih. Gejala ini wujud kerana timbul masalah kekeluargaan seperti kurangnya perhatian ibu bapa, tiada persefahaman dan kebebasan. Selain itu juga kerana kesan daripada urbanisasi, pengaruh media dan persekitaran. Pengaruh filem Barat yang tidak menggambarkan budaya hidup Malaysia turut mempengaruhi permasalahan ini.

Orang dewasa turut menjadi sebahagian daripada punca kenapa remaja wanita terjebak dalam gejala keruntuhan moral. Orang dewasa mengambil kesempatan terhadap keinginan remaja wanita untuk menikmati keseronokan dan kebebasan dengan menjadikan golongan itu sebagai perempuan simpanan mereka. Banyak gadis di ibu kota termasuk pelajar





GADIS BAWAH UMUR YANG DISELAMATKAN BAGI TAHUN 2002

NEGERI	CINA	MELAYU	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
PERLIS					
KEDAH					
P. PINANG		13			13
PERAK	2	1			3
SELANGOR	11	17	2	2	41
K. LUMPUR	31	29	4	2	66
N. SEMBILAN					
MELAKA		1			1
JOHOR	35	8			43
PAHANG		5			5
TIGANU					
KELANTAN					
SABAH					
SARAWAK				3	2
JUMLAH	88	74	6	7	175

Sumber: PDRM

an mereka yang mempunyai pekerjaan menjadi perempuan simpanan kepada golongan tertentu. Matlamat mereka ialah inginkan kemewahan.

Sebab-sebab lain ialah pengaruh video lucah yang mendorong gadis-gadis melakukan maksiat kerana ingin mencuba

setelah nafsu dirangsang. Permin-taan remaja wanita untuk berkah-win dengan lelaki yang disukai tetapi tidak dibenarkan ibu bapa juga mendorong mereka melarikan diri. Akhirnya terbongkar, si lelaki adalah bapa ayam. Namun sebab utama kepada permasalahan ini ialah kurangnya pendidikan agama dan moral.


Dr. Siti Zaharah berkata, mereka yang kurang didikan agama ditambah dengan rendahnya keper-kasaan jati diri lebih mudah ter-dorong melakukan sesuatu yang menyalahi nilai-nilai murni kemanusiaan. "Masalah sosial di kalangan wanita berlaku dalam senario tanpa sekatan dan mempunyai hubung kait yang rapat seperti muzik liar, minuman keras, keseronokan yang keterlaluan, lepak, berpakaian tidak sopan, lumba haram dan macam-macam lagi."

Ia berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kepincangan keluarga, kemiskinan, tidak berilmu, pergaulan bebas dan lemahnya kawalan ibu bapa. Semua ini adalah ekoran kemelesetan asas pembawaan dan bimbingan individu terbabit. Bagaimanapun daripada pengalaman menangani masalah sosial di kalangan wanita, Kementerian Dr. Siti Zaharah mendapati, kebiasaannya mereka yang terlibat tidak mahu berterusan dengan aktiviti yang itu. Malah ada juga yang terjebak dengan sukarela kerana ingin membantu keluarga dan adik di kampung. Mereka ini terlibat tetapi menanam cita-cita untuk keluar dari lembah maksiat.

Menurut laporan Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, sejumlah 353 pelacur tempatan ditangkap sepanjang tahun 2002 dan 495 pada tahun 2001. Dalam tempoh yang sama tahun 2002, sebanyak 175 remaja perempuan bawah umur diselamatkan dari lembah maksiat

Walaupun bergerak dalam keadaan serba kekurangan, anggota penguat kuasa JAWI tetap menunjukkan komitmen tinggi dalam menjayakan tugas mereka

Wanita KL Bebani JAWI



Wanita-wanita yang ditangkap dalam satu operasi JAWI. - Gambar hiasan

“TOLONGLAH bang... saya tak buat apa-apa. Saya cuma duduk berbual dengan kawan-kawan. Esok anak saya nak sekolah. Macam mana ni bang... saya tinggal di PJ, kalau abang tak percaya saya telefon kawan saya,” rayu salah seorang daripada pelacur wanita tempatan yang ditahan ketika berkeliaran lebih kurang pukul 3.00 pagi di kaki lima rumah-rumah tumpangan di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur ketika pihak penguatkuasaan Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI) mengadakan serbuan di kawasan itu yang sememangnya terkenal dengan imej pelacuran murahan.

Tidak kurang juga wanita yang selama ini tanpa rasa takut mengaku tidak membawa kad pengenalan ketika diminta oleh penguat kuasa JAWI mendedahkan identiti mereka. “IC saya hilang bang... baru semalam beg saya kena ragut.” Tidak kurang yang memberikan

jawapan bodoh, “IC saya mak pegang.” Selain itu terdapat bermacam-macam alasan lagi digunakan bagi mengelak ditahan di lokap JAWI.

Operasi itu diketuai oleh Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama, Bahagian Penguat Kuasaan dan Pendakwaan JAWI, Syed Ibrahim Syed Ali serta dibantu oleh kakitangan JAWI dan anggota-anggota Rela. Taklimat terlebih dahulu diberikan oleh Syed Ibrahim berhubung tempat atau sasaran serbuan dan langkah-langkah yang harus diambil bagi memastikan operasi itu mencapai matla-

matnya, terutama bagi mengelak dikesan lebih awal oleh pusat-pusat hiburan atau sindiket pelacuran yang menggunakan khidmat tonto.

“Inilah masalah yang sering dihadapi setiap kali serbuan. Tonto-tonto ini sering mengganggu kelicinan operasi dan diupah khusus oleh pusat-pusat hiburan dan pelacuran untuk mengekori kami dan memberikan maklumat kepada pemilik pusat hiburan dan pelacuran. Selalunya mereka mengancam kereta dan nombor pendaftaran kereta kami sebelum memaklumkan kepada pusat-pusat

berbanding 334 remaja perempuan bawah umur yang diselamatkan pada tahun 2001. Tangkapan terbanyak ialah di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Johor dan Sarawak.

Menurut satu laporan, Malaysia menjadi tumpuan dan transit sindiket membawa masuk wanita dan gadis untuk bekerja, sebagai pelancong dan pelajar asing, tetapi sindiket itu akhirnya memaksa mereka melacur. Dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini, kira-kira 13,000 wanita asing datang ke negara ini sebagai pelajar dan pelancong, tetapi kemudiannya menjalankan aktiviti pelacuran. Wanita itu rata-rata datang dari Indonesia, Thailand, India, Pakistan, Sri

Lanka, Bangladesh, Filipina, Kemboja dan sejauh dari China, Rusia dan negara-negara bekas blok Eropah Timur. Mereka ditipu oleh sindiket berkenaan. Mereka memasuki negara ini dengan dokumen yang sah tetapi dokumen itu disimpan agar wanita berkenaan boleh dipaksa melacurkan diri.

Semua fakta itu sememangnya mengerunkan dan mendebarakan jantung. Gambarnya jelas dengan pendedahan demi pendedahan oleh media. Tetapi sebenarnya purata nisbah wanita tempatan yang terlibat dalam masalah sosial dengan jumlah penduduk negara ini tidaklah sampai satu peratus. Kerajaan melalui agensi-agensi penguat kuasa terus-menerus berusaha menangani masalah berkenaan.

Pihak berkuasa terutama polis dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan, jabatan agama Islam negeri-negeri serta badan-badan sukarela, terus-menerus

termasuk seorang warga Jerman. Lima daripada pelacur yang ditahan tidak memiliki kad pengenalan. Operasi pada malam itu lebih tertumpu kepada pusat-pusat kesihatan dan rumah tumpangan di sekitar Bukit Bintang dan Lorong Pudu serta sekitar Lorong Haji Taib dan sekitar rumah tumpangan di Jalan Raja Laut.

Walaupun bergerak dalam jumlah anggota yang kecil serta mendapat bantuan pihak Rel, Bahagian Penguatkuasaan dan Pendakwaan JAWI tidak pernah menjadikan kekurangan itu sebagai alasan malah tetap menunjukkan komitmen tinggi walaupun terpaksa bertugas sehingga lewat pagi. Tanpa sebarang senjata dan menyedari risiko yang perlu ditanggung, mereka hanya mengharapkan keyakinan dan gerak hati yang kuat. Pengalaman-pengalaman banyak membantu mereka dalam melakukan tindakan. Melihatkan kepada kesungguhan mereka yang terpaksa turun padang dalam keadaan serba kekurangan terutamanya dari segi bilangan anggota penguat kuasa, timbul beberapa persoalan, apakah dengan jumlah anggota yang kecil itu mereka akan terus dibebani dengan tugas yang penuh mencabar ini?

Difahamkan anggota penguat kuasa JAWI bukan setakat ditugaskan menjaga sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tetapi juga perlu meninjau kegiatan dan masalah sosial di Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya. Dari segi nisbah pula, seorang penguat kuasa JAWI bertanggungjawab untuk menjaga 35,000 orang dalam satu-satu masa. Walaupun kecil, JAWI tidak menjadikan ia sebagai halangan untuk menyumbang

menjalankan pemeriksaan ke atas pusat-pusat hiburan. Pemeriksaan itu dibuat dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian waktu. Polis Kuala Lumpur, contohnya, hampir berjaya 'memutihkan' kawasan Kompleks Sun dan sekitarnya pada tahun 2000. Sebelum ini, kawasan berkenaan terkenal sebagai pusat pelacuran dan menjadi pilihan pelancong untuk bersantai. Masalah pelacuran dan dadah di kawasan itu mendapat perhatian serius memandangkan sekitar Jalan Bukit Bintang mempunyai banyak hotel dan pusat membeli-belah yang menjadi tumpuan pelancong.

Ops Kelawar adalah azam Tahun Baru 2003 polis dan PBT di Selangor untuk membanteras gejala sosial di kalangan masyarakat tempatan di negeri itu.

Bagaimanapun maklumat mengenai gejala sosial wanita itu menunjukkan keadaan masih berada pada tahap serius. Sesuatu perlu dilakukan. □



Pintu yang dikunci dipecahkan menggunakan gergaji bermotor.

hiburan agar cepat bertindak member-sihkan pusat mereka daripada sebarang bukti yang boleh disabitkan," katanya.

Peranan yang dimainkan oleh tonto ini dapat dilihat melalui pergerakan mereka. Pada malam tersebut, wartawan MASSA melihat seorang tonto berjaya ditahan selepas penguat kuasa JAWI mula menyedari gerak-gerinya sewaktu kami sedang makan sebelum menyambung semula serbuan. Difahamkan tonto-tonto ini digaji khas untuk mengekori penguat kuasa JAWI pada malam tersebut. Mereka dibayar antara RM200 hingga RM300 untuk bertindak sebagai pemberi maklumat bagi menggagalkan operasi JAWI.

Operasi pencegahan maksiat JAWI yang bermula pada pukul 11.30 malam dan berakhir hampir 4.00 pagi itu berjaya menahan 37 orang pelacur tempatan termasuk seorang rakyat China, tiga orang pondan, tiga lelaki bukan Islam

Pengakuan Mereka Yang Ditangkap

Nur, 16, tinggal bersama abangnya, seorang peniaga di Flat San Peng. Sewaktu ditangkap dia mendakwa keluar untuk berjumpa kawan-kawan dan tidak terniat di hatinya untuk melakukan kerja-kerja yang tidak bermoral dan melacurkan diri. Dia jarang sekali keluar malam kecuali untuk berjumpa kawan-kawan dan tidak menyangka dia akan ditangkap kerana melepak. Ketika ditahan dia tidak memiliki kad pengenalan diri dan mendakwa hilang.

Siti pula mendakwa dia keluar rumah untuk melepak dengan kawan-kawannya di Jalan Raja Laut. Anak kepada pemandu teksi ini yang berusia 17 tahun mendakwa boring melepak di rumah kerana sering di marahi kedua-dua ibu bapanya. Ketika ditahan dia gagal menunjukkan kad pengenalan dengan alasan tertinggal di rumah.

yang terbaik dan tetap melaksanakan tugas seperti mana yang dirancang malah terus menunjukkan komitmen tinggi ketika menjalankan serbuan dari semasa ke semasa.

Menurut Syed Ibrahim, untuk menjalankan operasi biasa, pihaknya tidak menetapkan jumlah operasi yang harus dilakukan. "Untuk operasi biasa selalunya kita adakan sebulan sekali atau lebih kerap daripada itu. Ia bergantung kepada keadaan dan maklumat yang kami peroleh. Tetapi apabila melibatkan operasi besar, kami terpaksa membuat perancangan rapi kerana ia membabitkan banyak pihak seperti polis, imigresen dan Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur," katanya. □



Moral Runtuh Akibat Kecewa Dan Dendam

“DENDAM adalah punca mengapa wanita di Malaysia terjebak dalam keruntuhan moral,” kata Pensyarah Psikologi Kaunseling Jabatan Pengajian Perlakuan Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Mohamed Fadzil Che Din. Bagi mereka, dengan cara tersebut, mereka dapat memalukan ‘orang’ yang pernah menyakiti mahupun menganiayai mereka. Bagaimanapun dalam masa yang sama, mereka sebenarnya lupa bahawa tindakan yang diambil hanya merosakkan dan menjatuhkan maruah. Dalam persoalan ini, Dr. Mohamed Fadzil menjelaskan, amat sukar untuk mengkategorikan sesuatu perlakuan tertentu sebagai gejala keruntuhan moral. Ini kerana setiap perlakuan itu berbeza dari segi definisi bagi setiap budaya dan bangsa. Malah dihadkan pula dengan norma-norma masyarakat. “Kes sumbang mahram, seksual dan bersekedudukan dianggap tidak normal bagi masyarakat Melayu tetapi tidak pada bangsa lain,” katanya.

Baginya, nama sahaja manusia, mereka ada potensi untuk menterjemahkan perlakuannya sama ada dalam bentuk positif atau negatif. Daripada aspek psikologi, ia adalah rentetan daripada peristiwa-peristiwa yang berlaku sebelumnya.

Dr. Mohamed Fadzil menjelaskan, kebanyakan wanita yang terjebak sebagai GRO dan pelacuran di negara ini adalah kerana terperangkap. Baginya, agak sukar untuk seseorang wanita itu terjebak dalam keruntuhan moral kerana nilai dan pendidikan masyarakat di negara ini adalah tinggi. Justeru, mereka yang terjebak berkemungkinan dipengaruhi oleh faktor persekitaran. “Inginkan gaya hidup



Keruntuhan moral juga dikaitkan dengan keinginan untuk hidup mewah secara mudah.

yang mewah menyebabkan mereka terpengaruh. Malah ada yang menganggapnya sebagai *life style*,” katanya. Bagi Dr. Mohamed Fadzil, kehidupan yang terdesak bukanlah faktor utama yang membawa mereka untuk bergiat dalam aktiviti keruntuhan moral. Berbeza dengan pelacur dari negara luar, mereka menjadikan aktiviti itu sebagai satu industri.

Bagi kaunselor di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PK-

MAINS), Norazman Amat, penglibatan wanita dalam keruntuhan moral didasari oleh pelbagai sebab. Katanya, terlalu banyak faktor yang menjadi pendesak yang akhirnya mengakibatkan wanita-wanita di Malaysia terlibat dalam gejala keruntuhan moral. Norazman menjelaskan berdasarkan kepada statistik kes-kes yang diterima oleh PKMAINS, kebanyakan mereka yang terlibat berlatar-belakangkan institusi keluarga yang pin-cang. Bermula dari situ, berlaku peng-

SUMBANG MAHRAM (1997 – Julai 2002)

Pecahan Pertalian (1997 - Julai 2002)

NEGERI	1997	1998	1999	2000	2001	2002 (Jun-Julai)
Perlis	2	5	8	1	1	2
Kedah	27	21	18	21	12	15
Pulau Pinang	9	13	17	6	13	9
Perak	19	26	18	16	14	16
Selangor	40	52	28	29	32	16
Kuala Lumpur	9	15	1	9	15	4
Negeri Sembilan	16	25	19	7	17	7
Melaka	11	3	8	13	8	8
Johor	23	31	48	29	34	32
Pahang	24	41	18	13	18	16
Terengganu	15	12	16	16	18	12
Kelantan	15	11	5	9	21	9
Sabah	23	43	40	24	30	12
Sarawak	14	19	31	20	13	12
Jumlah	247	317	275	213	246	170

PERTALIAN	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Bapa	76	93	67	67	77	43
Bapa saudara	37	50	57	34	42	37
Abang	13	21	21	13	15	15
Adik	2	1	0	1	0	2
Sepupu	20	20	21	8	11	10
Datuk	2	9	10	4	5	9
Datuk saudara	9	2	5	2	1	1
Saudara	14	9	3	7	7	6
Bapa tiri	43	57	49	41	52	22
Abang/adik ipar	11	34	22	26	23	10
Bapa angkat	6	7	6	1	4	7
Bapa mentua	2	1	1	0	1	0
Abang angkat	5	3	4	3	0	1
Datuk tiri	1	1	1	3	0	2
Anak tiri	0	0	0	0	1	0



Norazman Amat



Syed Ibrahim Syed Ali



Zahrina Haron



Dr. Fadzil Che Din

Gejala sosial di kalangan wanita yang semakin membimbangkan berpunca daripada tumbuhnya pusat-pusat hiburan yang begitu banyak. Ditambah pula dengan penguatkuasaan yang longgar mengakibatkan gejala itu semakin berleluasa

abai terhadap pendidikan agama dan pengawasan diri.

Namun tidak dinafikan, pengaruh rakan sebaya serta terpengaruh dengan sesuatu yang baru merupakan antara sebab yang menjadi pendorong. Begitu juga individu yang inginkan kebebasan yang tidak rasional, kurang pendedahan dan ketahanan diri, keinginan untuk mencuba serta pemberian kasih sayang yang berlebihan, mengakibatkan seseorang itu membuat keputusan tanpa mengambil kira buruk baik mahupun risiko yang terpaksa dihadapi.

Sementara itu, Pegawai Bahagian Operasi dan Hal Ehwal Penghuni, Darul Saadah, Zahrina Haron menyifatkan kegagalan mengawal hawa nafsu berikutan tiada pegangan agama memudahkan mereka terjebak dalam gejala keruntuhan moral. Katanya, selain itu kebanyakan kes yang dikendalikan di rumah kebajikan itu mendapati, keruntuhan moral juga berpunca daripada sikap dan peranan yang dimainkan oleh ibu bapa. Ibu bapa yang terlalu memberi kepercayaan dan ibu bapa yang terlalu menyayangi anak mereka juga mengakibatkan anak-anak tersebut terjerumus dalam gejala ini. Baginya, kepercayaan dan kasih

sayang yang harus diberikan kepada anak-anak perlulah ada batasnya. Ini kerana terlebih kasih sayang akan membentuk anak-anak yang degil sekali gus sukar untuk mengawal tingkah laku mereka. Zahrina tidak menafikan *broken family* di samping sikap masyarakat yang individualistik mencetuskan keadaan yang membolehkan anak-anak membuat keputusan yang melanggar norma-norma masyarakat.

Sementara Lim Ai Yim, seorang aktivis sosial dan ahli persatuan pergerakan wanita melihat gejala sosial di kalangan wanita yang semakin membimbangkan berpunca daripada tumbuhnya pusat-pusat hiburan yang begitu banyak. Ditambah pula dengan penguatkuasaan yang begitu longgar mengakibatkan gejala itu semakin berleluasa. "Jika kerajaan mengambil langkah menyeragamkan had masa operasi sesebuah kelab hiburan, masalah ini dapat diatasi jika pun tidak seratus peratus. Masa operasi yang dibenarkan sehingga 12.00 tengah malam, sudah terlalu lewat. Masyarakat sepatutnya lebih banyak habiskan masa yang berkualiti di rumah bersama keluarga dan anak-anak," katanya.

Ai Yim tidak menafikan gejala sosial

yang semakin berleluasa juga banyak dipengaruhi oleh persekitaran, struktur keluarga yang semakin longgar dan masyarakat yang tidak lagi mementingkan cara hidup bermasyarakat. Katanya, banyak daripada kes berpunca daripada pengaruh rakan-rakan, mencari keseronokan dan terjebak tanpa disedari akibat hanyut dalam keseronokan memperoleh wang dengan cara mudah. "Segalanya bertitik tolak daripada keluarga dan pengawasan ibu bapa.

"Sebagai NGO, apa yang mampu kami mainkan ialah memupuk kesedaran di kalangan masyarakat dengan mengadakan pertukaran maklumat dan idea dengan kumpulan-kumpulan dan pemimpin-pemimpin masyarakat. Masalah dalam masyarakat kita ialah mereka begitu cepat menuduh tanpa berusaha untuk mencari atau mengenal pasti masalah. Apa yang kami lakukan ialah dekatkan diri dengan mangsa, selami hati dan perasaan mereka kerana dari situ kita akan dapat maklumat mengapa mereka terjebak dan seterusnya mencari jalan untuk mengatasinya," katanya.

Namun dalam hal ini, Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama Bahagian Penguatkuasaan dan Pendakwaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Syed Ibrahim Syed Ali menyifatkan, penglibatan wanita dalam aktiviti pegawai perkhidmatan pelanggan (GRO) dan pelacuran, kira-kira 90 peratus daripadanya disebabkan oleh faktor kekecewaan. Katanya, terdapat kes saudara baru yang diabaikan oleh suami. Demi untuk menanggung kehidupan diri dan anak-anak, wanita tersebut mengambil keputusan untuk bekerja sebagai GRO.

Syed Ibrahim tidak menafikan pendidikan anak-anak yang tidak berkesan, mengakibatkan anak-anak ingkar dan tidak taat kepada ibu bapa. Ekoran daripada itu, anak-anak akan mengambil keputusan untuk lari dari rumah. Kesannya akan berlakulah kes kelahiran luar nikah dan seterusnya dikecewakan oleh pasangan. Keadaan rentetan kehidupan ini biasanya akan membawa wanita tersebut untuk bekerja sebagai GRO dan seterusnya pelacur.

Bagi Syed Ibrahim, wanita seharusnya tidak mudah terpedaya dengan pujukan lelaki dan juga tidak begitu mengharapkan kehidupan yang terlalu ideal. Ini kerana jika sesuatu yang diharapkan tidak tercapai ia akan mengakibatkan berlakunya kekecewaan dalam kehidupan. "Agama bukan syarat kebahagiaan pada saya. Ini kerana orang yang beragama pun mengalami keruntuhan rumah tangga," katanya. Beliau berkata, orang yang beragama tidak semestinya alim, dan orang yang berilmu tidak semestinya dia beramal dengan ilmunya. □

JENAYAH SYARIAH 2002

KES	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept.	Okt.	Nov.	Dis.
Pelacuran	10	4	3	3	5	1	0	20	4	0	2	2
Persetubuhan luar nikah	2	2	3	1	0	0	4	2	0	3	0	0
Khalwat	154	72	120	82	116	104	70	81	61	31	14	0
Perbuatan tak sopan	10	0	2	4	8	6	0	2	4	0	0	0

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan dan Pendakwaan, Jabatan Agama Islam, Wilayah Persekutuan



MASSA menemu bual Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman dan berbincang dengan beliau tentang gejala sosial wanita Malaysia.

MASSA: Bolehkah Datuk ceritakan senario wujudnya gejala sosial di kalangan wanita di negara ini yang secara umumnya banyak timbul dalam media massa sejak kebelakangan ini?

SITI ZAHARAH: Gejala itu berlaku bila ada permintaan serta penawaran dan sebaliknya. Pelakunya daripada kalangan wanita. Penyebabnya adalah pelbagai termasuk kerana lelaki, faktor ekonomi dan kemasyarakatan. Maksiat ini akan berleluasa jika kurangnya penguatkuasaan, yang secara langsung adalah aspek penguatkuasaan kepada perilaku bebas. Semua ini berlaku dalam senario yang tanpa sekatan dan mempunyai hubung kait yang rapat. Remaja, wanita, muzik liar, minuman keras dengan lepas laku, tiada rasa berpada-pada demi keseronokan. Antara gejala itu ialah lari dari rumah, terlibat dalam pelacuran, lepak, bohsia, berpakaian tidak sopan, lumba haram, pembuangan bayi, bersekedudukan, mengandung luar nikah dan penyalahgunaan dadah.

Melihat kepada jumlah kes-kes gejala sosial yang mungkin tinggi di negara ini, apakah sebab utama yang menyebabkan berlakunya fenomena itu?

Banyak faktor yang menyebabkan berlakunya perlakuan lepas laku ini seperti kepincangan keluarga, kemiskinan, pengangguran, lemah iman, kurang menghayati nilai-nilai murni dan keagamaan, tidak berpengetahuan, pergaulan bebas dan lemahnya kawalan ibu bapa. Faktor berkenaan tiada bezanya sama ada lepas laku di kalangan wanita tempatan atau wanita asing. Cumanya, wanita asing melakukan maksiat ini kerana ada peluang dan mengambil kesempatan untuk mencari duit. Kerana jika di tempat asal mereka, peluang mendapatkan wang yang lebih mungkin sukar.

Semua ini adalah tanda-tanda kemelesetan pada asas pembawaan dan bimbingan individu yang terbabit tanpa kira ia wanita atau lelaki, remaja atau dewasa. Contohnya putaran kemiskinan yang keterlaluan itu menyebabkan individu itu terlalu bergantung kepada sesuatu untuk hidup. Mungkin ia bermula dengan cuba-cuba dan tidak serius. Terasa seronok, mula berjinak dan terus lebih berat sehingga sesuatu itu betul-betul membolehkan individu itu terjebak dengan amalannya itu.

Kita tidak perlu pertikaikan semua itu. Sekarang semua pihak terutama yang



Bersama Tangani Masalah Sosial Wanita

berkeluarga dan mempunyai tanggungjawab keluarga mesti tekankan keber-tanggungjawaban itu. Paling mudah ialah tanggungjawab menjadikan anak-anak baik dan membesar dengan bekalan ilmu yang membolehkan mereka hidup gembira dan senang dengan pasangan masing-masing. Nilai-nilai baik ini semua orang tahu. Antaranya berbudi bahasa, bersifat mulia, berkasih sayang. Jika sebelum ini, pasangan yang belum kahwin ada masa untuk berkasih sayang, tetapi mengapa apabila mempunyai anak, tiada masa pula untuk berkasih sayang. Ini menyebabkan timbul rasa kecewa pada anak-anak. Mereka kecewa tinggal seorang di rumah, semua hal di rumah orang gaji yang urus dan ibu bapa sentiasa sibuk. Masalah timbul apabila ada kawan atau orang lain yang tidak dikenali semakin rapat dan dianggap dapat, melupakannya daripada belunggu kesunyian. Individu itu pula mengambil kesempatan.

Seperkara lagi, remaja wanita bermalasah apabila ibu bapa langsung tidak mengambil berat mengenai mereka. Tambahan pula apabila dia terlibat dalam lembah maksiat dan ingin kembali. Sayangnya ibu bapa tidak menerima kerana anaknya itu dianggap sampah. Ini tidak boleh berlaku. Kita semua patut menerima individu berkenaan kembali ke pangkal jalan. Jika tidak mereka akan terus melakukan maksiat yang bukan sahaja memalukan tetapi menyusahkan masyarakat.

Bagaimana pula dengan wanita asing yang rata-rata memasuki negara ini dengan dokumen sah sebagai pelajar ataupun pelancong tetapi melitakat diri dalam lembah maksiat?

Sebenarnya mereka mengambil kesempatan untuk mencari duit.

Mungkin laku lepas di negara asal mereka tidak akan menghasilkan duit yang banyak berbanding di negara ini. Con-

tohnya negara China. Negaranya besar dengan penduduk beribu juta orang. Pelabur mulai memasuki negara itu. Kebendaan kini mulai dilihat sebagai satu keperluan. Mereka menganggap mereka perlu lari daripada kepayaahan hidup dari luar bandar ke bandar. Kini kemewahan perlu dikejar. Profesion yang mudah ialah pekerja seks kerana tanpa pendidikan pun mereka boleh jadi kaya. Ada sindiket pelacuran yang mempunyai hubung kait antara negara ini dengan negara luar itu. Cara inilah yang membolehkan wanita dari negara itu mudah memasuki Malaysia. Ini adalah kesan daripada perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Tambahan pula secara globalnya profesion itu dianggap sebagai perniagaan yang dibolehkan dan mudah mengaut keuntungan berganda.

Persoalannya ialah tiada yang membe-
li jika tiada yang menjual serta tiada yang
menjual jika tiada yang nak membeli.

Bagaimanapun kerajaan komited dan
sentiasa melakukan sesuatu bagi menan-
gani permasalahan ini agar ia tidak ber-
larutan. Walaupun kerajaan melakukan
pelbagai cara dan perancangan untuk
melawan fenomena sosial itu, ia tetap
berlaku. Dari satu segi kerajaan cuba
mencegah dengan pelbagai sekatan te-
tapi dari segi lain, faktor yang merang-
sangkan menjadi rangsangan dalam pel-
bagai bentuk dimensi. Kerana duit apa
pun orang sanggup buat dan apa pun
boleh berlaku. Inilah wujudnya *the other
side of midnight*.

Pada pandangan Datuk, berapa pe-
ratus penduduk wanita yang terlibat
gejala tidak bermoral dan adakah ia se-
rius sehingga sukar dikawal dan dice-
gah daripada terus berlaku?

Masalah ini memang sukar dicegah
tetapi boleh dikawal. Mengikut statistik
kita, lepas laku di kalangan wanita di
negara ini adalah dalam kawalan. Kita
boleh mengawal pihak yang terbabit
sama ada dari segi individu dan pengusa-
ha pusat maksiat. Kerajaan boleh kaitkan
pusat itu dengan kelonggaran mereka
membenarkan remaja bawah umur mem-
asukkannya, pelanggaran waktu yang
dibenarkan dan pelbagai lagi. Jadi selagi
sebahagian besar penduduk negara ini
masih perkasa dan kukuh dengan nilai-
nilai murni, lepas laku itu dapat dikawal
daripada berleluasa. Semua pihak perlu
bersama-sama menanganinya. Kerajaan
semata-mata tidak boleh berjaya. Kita
mesti perhebatkan mesej dan pesanan
sosial dan kemasyarakatan bahawa kita
hidup dalam negara yang harus memikul
tanggungjawab bersama. Nilai-nilai mur-
ni yang diterapkan sejak dahulu lagi per-
lu diteruskan dengan cara hidup, pem-
bawaan, perwatakan dan pegangan hip-
dip yang sederhana.

Kita tidak boleh memikirkan dunia
glamor sahaja untuk diri sendiri. Sistem
unit keluarga yang dipegang oleh rakyat
negara ini perlu dikukuhkan. Jika sistem
itu runtuh kerana kurangnya teguran,
tapisan dan bekalan ilmu kepada gene-
rasi muda, akibatnya akan mudah ber-
laku gejala sosial. Ia akan berterusan se-
hingga memburukkan negara.

Keluarga Islam mesti berpegang kepa-
da agama, buat apa yang Allah perin-
tahkan dan jauhi apa yang dilarang.
Keluarga bukan Islam, kukuhkan pegang-
an nilai-nilai murni kerana ia adalah uni-
versal. Seperti berbuat baik, hormat
menghormati, berbudi bahasa, hormat
orang tua, suka kepada etika kehidupan
yang betul, bekerja keras, mencari rezeki
yang halal dan jangan ikut nafsu.

Semua ini boleh diamalkan dan
dijadikan pegangan hidup semua bangsa
dan agama. Budaya ini mesti diterapkan
dalam kehidupan secara bersahaja dalam
semua asas kehidupan dan dalam pen-
didikan yang formal dan tidak formal.
Takkanlah kita nak anak membesar de-
ngan sifat yang pentingkan diri sendiri
dan tamak, suka menipu dan cari jalan
mudah. Amalan ini merugikan dan
menyedihkan kerana ia menjadikan kita

mantapan keluarga. Secara jangka pan-
jang pasukan perlindungan kanak-kanak
dan jawatankuasa kebajikan juvana dae-
rah telah mengadakan program dan
aktiviti yang berbentuk pembinaan pusat
kanak-kanak dan remaja melalui pen-
didikan sosial seperti ceramah, seminar,
dialog dan forum.

Gerakan keluarga bahagia dan Pera-
yaan Hari Keluarga Kebangsaan yang
bertujuan mengeratkan hubungan keke-
luargaan, memupuk dan menentukan
kesejahteraan keluarga masih diteruskan
sebagai aktiviti sokongan di bawah pro-
gram perpaduan keluarga seperti jiran
wanita, jiran muda dan aktiviti kanak-ka-
nak tabika serta program-program keke-
luargaan Orang Asli. Kementerian di
bawah Program Pelan Tindakan Sosial
Negara (Pintas) telah melibatkan bebera-
pa agensi kerajaan, badan bukan kerajaan
(NGO), ahli korporat, Lembaga Pelawat
Sekolah Tunas Bakti, Taman Seri Puteri,
jawatankuasa kebajikan juvana dan
brigid kebajikan.

Program-program pemulihan di insti-
tusi yang menekankan aktiviti keagama-
an dan nilai-nilai murni juga melibatkan
ahli masyarakat setempat secara sederha-
na bagi melahirkan remaja yang berdisip-

Peratusan penglibatan wanita dalam gejala sosial ini masih kecil dan tidak serius. Ia boleh dikawal

miskin dengan hati budi.

Sebab itu nilai-nilai murni ini mesti
diterapkan pada peringkat awal pembe-
saran anak di samping penerapan disip-
lin dan keperkasaan diri agar fizikal dan
minda mereka cergas dan bersemangat
untuk melawan laku lepas yang merugi-
kan bangsa dan negara.

Peratusan penglibatan wanita dalam
gejala sosial ini masih kecil dan tidak
serius. Ia boleh dikawal.

Masalah sosial di kalangan wanita
boleh dikatakan adalah permasalahan
global. Apakah strategi kementerian
dalam langkah jangka pendek dan
jangka panjang untuk membendung
gejala tidak bermoral ini. Daripada
langkah yang diperencanakan itu, bo-
lehkah kita mencapai tahap sifar?

Pelbagai langkah telah diambil oleh
kementerian. Melalui Jabatan Kebajikan
Masyarakat bersama dengan agensi-agen-
si lain yang berkaitan, kita telah men-
gambil langkah bersifat pencegahan,
pemulihan, perlindungan dan pemban-
gungan masyarakat. Itu semua telah dan
sedang dilaksanakan. Selain itu Jabatan
Kebajikan dan agensi-agensinya terus
menguatkan usaha memperkukuhkan
institusi keluarga di bawah Program Ke-

lin, berakhlak mulia, bertanggungjawab
dan warganegara yang berguna.

Kejayaan dan keberkesanan program-
program yang dilaksanakan bagi mem-
berantas isu remaja terlibat dengan gejala
sosial tidak akan tercapai tanpa pengli-
batan semua pihak. Oleh itu sukar untuk
dikatakan ketika ini sama ada kita boleh
mencapai tahap sifar dalam menangani
permasalahan gejala sosial di kalangan
wanita. Namun demikian segala usaha
yang dijalankan oleh kementerian untuk
tujuan itu adalah positif dan menyum-
bang kepada perubahan tingkah laku
para remaja yang menjalani pemulihan
di Asrama Akhlak, Sekolah Tunas Bakti
dan Taman Seri Puteri. Berpanduan
konsep Malaysia Boleh adalah tidak mus-
tahir juga kita boleh melakukannya.

Cara yang difikirkan terbaik menan-
gani masalah itu ialah menyedarkan
masyarakat dengan nilai-nilai murni dan
mewujudkan kumpulan-kumpulan soko-
ngan. Kumpulan ini akan membantu
pelaku untuk kembali kepada masyara-
kat. Daripada pengalaman kita dapati
kebiasaannya mereka yang melakukan
maksiat ini tidak mahu berterusan de-
ngan perlakuannya itu. Apabila sampai
satu tahap, mereka ingin keluar daripada
maksiat. □



Kekalahan Sosial: Nilai Murni Ditewaskan

Oleh DR. ABD HADI ZAKARIA

ISU keruntuhan moral di kalangan anggota masyarakat Malaysia tidak harus terlalu tertumpu kepada soalan 'mengapa' atau 'siapa yang dipersalahkan'. Ini kerana ancaman keruntuhan moral tetap berlaku selagi wujud apa yang disebut sebagai perubahan dalam masyarakat. Mengenai hal ini semua orang tahu bahawa perubahan adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan oleh mana-mana masyarakat, termasuk masyarakat Malaysia; cuma yang berbeza ialah cara, saiz dan kelajuan perubahan itu berlaku.

Malangnya apabila perubahan datang kepada sesuatu dimensi kehidupan manusia, ia membawa nilai-nilai, norma-norma, peraturan-peraturan dan jangkaan-jangkaan baru yang selalunya mengancam nilai-nilai, norma-norma, peraturan-peraturan dan jangkaan-jangkaan yang sedia ada. Ada kalanya nilai-nilai baru itu adalah selari dengan yang lama, tetapi ada juga yang bertentangan.

Dalam keadaan begini, keruntuhan moral di kalangan anggota masyarakat boleh dicituskan oleh:

Unsur-unsur baru yang dibawa oleh perubahan tidak diuruskan dengan bijaksana. Satu contoh ialah perkembangan pendidikan di negara ini. Dengan kemudahan pendidikan yang meluas, ramai anak-anak muda mendapat pelajaran yang baik. Dengan mutu pendidikan yang meningkat, anak-anak muda perlukan pekerjaan yang lebih baik. Keperluan ini dan pembangunan industri menggalakkan penghijrahan ke bandar-bandar. Akan tetapi anak-anak muda ini tidak disediakan dengan ilmu-ilmu yang mencukupi untuk menghadapi hidup di bandar. Maka berlakulah berbagai-bagai bentuk salah laku seperti pergaulan bebas antara jantina dan pelbagai akibatnya seperti hubungan seks tanpa emosi, hamil tanpa nikah, pengguguran dan pembuangan bayi.

Pertentangan di antara unsur-unsur baru dengan unsur-unsur lama. Dalam keadaan begini ramai orang yang lebih tertarik untuk menerima yang baru, kerana pada pandangan mereka unsur-unsur baru lebih progresif, menarik dan menguntungkan, jarang sekali kesan-kesan jangka panjang unsur-unsur baru ini diteliti dan diadakan usaha untuk ditangani.



Ini contoh keruntuhan moral peringkat acute.

Dalam menghadapi unsur-unsur baru yang didatangkan oleh perubahan, masyarakat Malaysia mengalami dua bentuk kemalangan.

Pertama ialah kegagalan kumpulan-kumpulan tertentu memainkan peranan untuk menyebarkan dan memperkukuhkan nilai-nilai murni yang sedia diamalkan oleh anggota masyarakat. Termasuk dalam kumpulan yang gagal ini ialah generasi tua dan golongan yang menonjolkan diri mereka sebagai pendukung nilai-nilai murni. Ahli-ahli kaji masyarakat mengakui bahawa golongan inilah yang seharusnya memujuk, mendesak dan mendorong golongan-golongan lain dalam masyarakat supaya menerima dan mengamalkan nilai-nilai murni yang sedia ada dalam masyarakat.

Kegagalan ini memberi sumbangan kepada terjadinya kemalangan kedua iaitu, kekalahan sosial. Golongan-golongan yang mendukung nilai-nilai murni telah kalah dalam perlawanan mereka dengan unsur-unsur baru untuk mempengaruhi golongan muda supaya menolak unsur-unsur baru yang boleh meruntuhkan hidup bermasyarakat. Kekalahan inilah yang membolehkan unsur-unsur risiko yang dibawa oleh perubahan bertapak dan membiak dalam masyarakat kita dan seterusnya menyemaikan keruntuhan akhlak.

Ini semua bererti bahawa keruntuhan moral meragut keseluruhan masyarakat, tanpa mengira agama, keturunan, jantina dan umur. Maka salah satu cara yang sesuai untuk mengukur kejatuhan moral ialah dengan menggunakan satu klasifikasi yang kualitatif. Dengan itu majoriti anggota masyarakat mengalami keruntuhan moral di peringkat primer. Di peringkat ini, tingkah laku atau tindakan yang mencerminkan keruntuhan moral dilakukan sebagai satu tindak balas semasa terhadap cabaran atau rangsangan semasa yang dialami oleh individu berkenaan. Maka ramai orang mengeluarkan kata-kata mencarut kerana mereka dimarahi tanpa sebab yang munasabah. Begitu juga ramai orang yang berbohong untuk mengelakkan keadaan yang lebih buruk.

Kedua ialah keruntuhan moral peringkat *acute*. Di peringkat ini individu-individu tertentu terlibat di dalam tindakan keruntuhan moral kerana itu sahaja ialah jalan yang terbuka kepada mereka untuk menyelesaikan masalah. Contohnya ialah apabila seseorang gadis lari dari rumah kerana tidak tahan didera. Individu yang mengalami keruntuhan moral di peringkat ini tahu dan sedar yang perbuatannya adalah salah tetapi mereka tidak mempunyai alternatif. Sekiranya keadaan yang menjadi punca salah laku tadi dihapuskan, individu ini boleh kembali kepada tingkah laku yang diingini.

Ketiga ialah keruntuhan moral peringkat kronik. Di peringkat ini, individu-individu yang terlibat dalam keruntuhan moral melihat dan menerima kegiatan itu sebagai cara hidup mereka. Oleh itu mereka sentiasa mencari jalan kesempatan dan alasan untuk melakukan perbuatan itu. Maka seseorang penagih dadah akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan dadah. Begitu juga seorang pelacur yang nafkahnya bergantung kepada hasil pelacuran semata-mata. Ia akan sentiasa mencari kesempatan untuk mendapatkan pelanggan. Seorang yang ketagih kepada rasuah juga akan sentiasa mencari jalan untuk mendapatkan keuntungan melalui rasuah.

Kalau hampir setiap individu dalam masyarakat terlibat dan pernah terlibat dalam perbuatan yang mencerminkan keruntuhan moral, langkah segera yang berkesan perlu diambil supaya keruntuhan berkenaan dapat dihalang. Secara ringkas, apa yang masyarakat Malaysia harus lakukan ialah meningkatkan kesedaran bahawa pengaruh-pengaruh ini adalah hasil tindakan manusia dan boleh dielakkan. Yang perlu ialah penggemblengan tenaga supaya usaha-usaha pencegahan ini mencapai kejayaan. □

Prof. Dr. Abd. Hadi Zakaria ialah pensyarah di Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.



Wei Wei menggunakan pas lawatan sosial untuk melacur di Malaysia.

Malaysia Tumpuan Pelacur Asing

KETIKA ditangkap dalam serbuan oleh Bahagian Penguatkuasaan dan Pendakwaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), gadis berusia 22 tahun berasal dari Beijing, China dikenali dengan nama Wei Wei sedang asyik melayan pelanggan keturunan India rakyat tempatan. Ketika ditemu bual, dia masih sempat menunjukkan wajah ceria seolah-olah menganggap tidak ada apa yang berlaku ke atas dirinya.

Seperti kebanyakan gadis asing yang melacur di negara ini, mereka mengemukakan pelbagai alasan untuk mengelak ditangkap. Sebahagian besar menggunakan visa pelajar dan pelancong untuk melacur. Wei Wei yang cuba mengelak memberitahu statusnya yang sebenar cuba membohongi kami dengan menyatakan kedatangannya ke Malaysia menggunakan visa pelancong.

Menurutnya, dia datang ke Malaysia bersama suaminya. Suaminya pulang terlebih dahulu ke Beijing meninggalkan dia sendirian tanpa wang. Wei Wei nekad mengambil keputusan bekerja di pusat kesihatan sebagai tukang urut dan pelacur untuk mencari wang dan kembali semula ke China. Apabila menyedari kata-katanya mula meragukan kami, Wei Wei

akhirnya mengaku bahawa tujuan sebenar dia ke Malaysia ialah untuk melacur dan mendapatkan wang sebanyak mungkin walaupun dia menyedari tindakannya menyalahi undang-undang.

Dia yang baru sebulan berada di Kuala Lumpur mengaku menerima RM100 bagi setiap perkhidmatan. Wei Wei merupakan sebahagian daripada ribuan warga asing yang menjadikan Malaysia sebagai syurga untuk memperoleh wang dengan cara mudah - melacurkan diri. Ada yang lebih nekad. Mereka datang ke negara ini tanpa sebarang dokumen yang sah. Berdasarkan jumlah tangkapan yang dilakukan oleh pihak berkuasa

Tempat atau di mana mereka melacur juga berbeza berdasarkan beberapa kriteria tertentu daripada pusat-pusat hiburan bertaraf lima bintang sehinggalah ke lorong-lorong gelap. Begitu juga daripada segi bayaran perkhidmatan. Bagi pelacur kelas rendah, operasi mereka lebih tertumpu di kawasan rumah persinggahan murah yang mengenakan bayaran antara RM20 hingga RM30 untuk sekali perkhidmatan, kebanyakannya terdiri daripada pelacur rakyat tempatan.

Bayaran perkhidmatan ini berbeza mengikut asal dan paras rupa seseorang pelacur. Kebiasaannya pelacur dari Indonesia mampu memperoleh pendapatan RM100 hingga RM125 untuk sekali langganan berbanding pelacur dari China yang memperoleh pendapatan jauh lebih tinggi iaitu sekitar RM200 hingga RM300 untuk sekali perkhidmatan. Bagi mereka yang memiliki wajah kebaratan, biasanya dari Ukraine, Uzbekistan, Kazakhstan dan Colombia, mereka memperoleh pendapatan antara RM150 hingga RM250 untuk sekali perkhidmatan.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, sebahagian besar mereka yang ditangkap disyaki bekerja di tempat-tempat yang tidak bermoral atau menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral iaitu perbuatan yang jelas melanggar syarat pas lawatan sosial Peraturan 39 B di bawah Peraturan Imigresen 1963.

Bagi tempoh Januari 2002 sehingga Disember 2002, seramai 2,701 orang ditahan di bawah peraturan tersebut di mana seramai 1,345 orang adalah wanita Thailand dan 60 peratus daripada mereka disyaki pelacur. Rakyat Indonesia seramai 879 orang, 70 peratus disyaki terbahit dalam kegiatan tidak bermoral. Sementara rakyat China yang ditangkap berjumlah 403 orang dan 90 peratus disyaki pelacur. Lain-lain kerakyatan yang ditahan termasuklah Uzbekistan, 15 orang, Kemboja, 8 orang, Vietnam, 6 orang, seorang rakyat Rusia dan 44 orang rakyat Filipina. □

Malaysia, jumlah pelacur asing yang paling ramai ditangkap ialah Indonesia, Thailand, Filipina, China, Uzbekistan, Kemboja, Rusia, Vietnam, Myanmar, India, Taiwan, Ukraine, Singapura, Kazakhstan dan Colombia.

Kemasukan pelacur dari Indonesia dan Thailand dikesan banyak tidak menggunakan dokumen perijinan yang sah sementara pelacur dari Filipina yang ditangkap kebanyakannya terdiri daripada pembantu rumah yang menyalahgunakan permit kerja mereka. Sementara pelacur China kerap didapati menggunakan visa pelajar dan di kalangan pelacur Asia Tengah, mereka menggunakan visa pelancong.

TANGKAPAN WARGANEGARA ASING YANG DISYAKI MENJALANKAN AKTIVITI PELACURAN BAGI TAHUN 2002

NEGERI	INDON	THAI	FPINA	CHINA	UZBEK	V/NAM	K/CHEA	M/MAR	RUSIA	INDIA	LOAS	B/DESH	UZBEK	POLAND	K/ZTAN	S/LANKA	JUMLAH
PERLIS																	
KEDAH			8														
P. PINANG	7	10				22			2								73
PERAK	72	59	1	48													180
SELANGOR	668	296	3	415	21	248	87	5	5								1,748
K. LUMPUR	402	253	48	543	48	34	17	5	5	43		1		1			1,396
N. SEMBILAN	19	9		12	3	6	5	2							1		57
MELAKA	25	66		6	12	1						1					111
JOHOR	212	182	3	115	31	2	11				1	1					558
PAHANG	98	34		44	2	4	5										187
T'GANU		1								5							1
KELANTAN																	
SABAH	366	28	106	14		1											515
SARAWAK	286					28											315
JUMLAH	2,155	946	189	1230	139	296	125	8	12	43	2	1		1	1	1	5,149



DSN Mewujudkan Masyarakat Maju Dan Mapan

DASAR Sosial Negara (DSN) yang diluluskan oleh kabinet pada 19 Februari 2003 adalah satu dasar yang berteraskan nilai-nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mencapai kesepaduan dan kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia yang maju dan mapan.

DSN adalah dasar payung yang merangkumi falsafah dan semua dasar pembangunan sosial berteraskan kepada Perlembagaan, Rukunegara dan Wawasan 2020 serta komitmen negara di peringkat antarabangsa. Pelaksanaan dasar ini akan menjadi suatu agenda utama kerajaan untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang maju dan mapan menurut acuannya sendiri. Menurut Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman, dasar ini adalah suatu dasar strategik yang setara dengan dasar-dasar utama yang lain seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan Dasar Pembangunan Wawasan (DPW). "DSN ini memberikan panduan bagi pelaksanaan dan pengurusan pembangunan sosial, setanding dan seiring dengan pembangunan ekonomi untuk menghasilkan suatu kemajuan masyarakat yang mantap dan seimbang."

Dasar ini bertujuan mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia maju dan mapan dari segi sosial, ekonomi dan teknologi. Setiap anggota masyarakat berpeluang serta berkeinginan untuk memperkembangkan potensi diri secara optimum di dalam persekitaran sosial yang sihat berdasarkan ciri-ciri bersatu padu, berdaya tahan, demokratik, bermoral, toleransi, progresif, penyayang, adil dan saksama selaras dengan matlamat Wawasan 2020.

Visi DSN adalah untuk menterjemahkan semangat dan prinsip Wawasan 2020 melalui sembilan matlamatnya ke dalam pelbagai objektif dan strategi pelaksanaannya.

Objektif umum DSN ialah menjamin setiap individu, keluarga dan komuniti tanpa mengira kumpulan etnik, agama, budaya, *gender* dan fahaman politik dan wilayah dapat menyertai dan memberi sumbangan kepada arus pembangunan negara serta menikmati kesejahteraan hidup secara berterusan. Jentera pelaksana DSN ialah Majlis Sosial Negara. Di peringkat persekutuan ia dipengerusikan oleh Perdana Menteri, peringkat negeri oleh Menteri Besar/Ketua Menteri.

Objektif Khusus DSN

- Memastikan keperluan asas individu, keluarga dan masyarakat dipenuhi; Membangun dan memperkasakan insan sepanjang hayat;
- Memperkuatkan dan membangunkan sistem sokongan sosial dan perkhidmatan sosial dan
- Menjana sinergi multisektor.

Strategi DSN

- Mewujudkan pelbagai peluang dan kemudahan agar setiap individu, keluarga dan masyarakat dapat menikmati keperluan asas kehidupan dan menyertai arus pembangunan negara.
- Memastikan setiap individu mendapat hak untuk kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan serta dapat menikmati keperluan asas sepanjang hayat, tidak terpinggir dan tidak tersisih daripada arus pembangunan.
- Memastikan keperluan hidup yang holistik menjadi teras kehidupan setiap individu, keluarga dan komuniti.
- Menjamin hak kandungan untuk hidup dan berkembang dalam keadaan selamat dan sihat tanpa diganggu oleh ancaman dan eksploitasi.
- Mengiktiraf dan memupuk keupayaan setiap bayi dan kanak-kanak berfikir dan berperasaan serta dilindungi daripada dilabel, didiskriminasi dan dijadikan mangsa oleh anggota masyarakat.
- Membangunkan setiap keluarga untuk berfungsi sebagai satu pasukan yang saling menyokong dalam memainkan peranan serta tanggungjawab supaya setiap ahli keluarga berkembang dengan optimum mengikut keunikan dan potensi setiap individu.
- Mengiktiraf identiti, kepentingan dan keperluan pelbagai kelompok etnik dalam masyarakat Malaysia untuk mewujudkan sikap toleran dan saling membantu di dalam dan di antara kaum yang berbeza.
- Menggalakkan setiap organisasi atau agensi peringkat persekutuan, negeri, daerah dan komuniti di sektor awam, swasta dan sukarela untuk melakukan kajian dari semasa ke semasa ke atas struktur dan fungsi masing-masing bagi menentukan kemampuan pencapaian matlamat pembangunan sosial.
- Mewujudkan mekanisme perancang sosial yang bertaraf agensi pusat di peringkat persekutuan, negeri dan daerah untuk merancang, melaksana, memantau, menyelaras dan menilai keberkesanan perancangan dan pelaksanaan perkhidmatan sosial dalam masyarakat.

"Kami Rela"



Kes 1

HANINA (bukan nama sebenar), 22, mengaku keterlanjurnya melakukan hubungan bersama suami orang adalah di atas kehendak sendiri.

Hanina yang kini menunggu hari untuk melahirkan zuriat yang tidak diundang itu menjelaskan, kesilapan yang dilakukannya ketika berusia 20 tahun berpunca daripada kedegilan dirinya yang tidak mahu mendengar kata ayahnya. Perhubungan Hanina dengan lelaki yang berusia 40 tahun itu bagaimanapun tidak mendapat tentangan daripada ibunya yang



Keseronokan zaman muda.

telah pun bercerai dengan ayah. Pun begitu, ibunya sering berpesan agar menjaga tingkah laku dan adab sopan sebagai seorang perempuan yang beragama Islam. Malangnya, kerakusan nafsu mengakibatkan Hanina lupa segala pesanan ibu. Maka terjadilah 'kenikmatan' yang tidak seharusnya dilalui sebelum berlangsungnya ikatan pernikahan yang sah. Namun segalanya sudah terjadi. Perkenalan yang berputik di sekolah memandu rupa-rupanya membawa mimpi buruk dalam hidup Hanina. Hanina menyesal dengan perbuatannya, namun untuk menyalahkan ibunya, sama sekali tidak. Katanya, ibunya terlalu baik kepadanya malah sebagai anak sulung daripada empat adik-beradik, tumpuan kepadanya tidak pernah diabaikan. "Saya telah me-

TANGKAPAN PELACUR TEMPATAN BAGI TAHUN 2002

NEGERI	CINA	MELAYU	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
PERLIS					
KEDAH					
P. PINANG	90	4	6	3	103
PERAK	38	1	1	13	53
SELANGOR					
K. LUMPUR	8	8	2	43	61
N. SEMBILAN					
MELAKA	9		2	2	13
JOHOR	63	10		4	77
PAHANG		1		4	5
T/GANU					
KELANTAN					
SABAH				10	10
SARAWAK	4	1		26	31
JUMLAH	212	25	11	105	353

BANDUAN LELAKI DAN WANITA TAHUN 2000 HINGGA 2002


TAHUN	LELAKI		WANITA		JUMLAH
	M/SIA	ASING	M/SIA	ASING	
2000	20,386	4,380	410	996	26,172
2001	22,338	4,708	459	1,181	28,686
2002	24,072	6,994	535	1,683	33,284

Sumber: Jabatan Penjara

menduga ia akan berlaku dalam hidup saya, tetapi saya harus terima kesalahan yang telah saya lakukan," katanya. Hidup dengan menumpang kasih sayang adik-beradik ekoran keti-

adaan ayah dan ibu begitu juga datuk dan nenek, Shazlin merasakan kongkongan abangnya telah mendera dirinya. Dia mengambil keputusan untuk tinggal di asrama di tempat kerjanya. Sejak detik itulah bermulanya episod-episod hitam dalam dirinya. Shazlin yang mendapat pendidikan di sekolah agama mengakui, imannya terlalu nipis untuk melawan ajakan nafsu untuk melakukan perseputubuhan dengan teman lelakinya. Akibat percaya dan telah banyak kali diajak untuk melakukannya, Shazlin akhirnya tewas. Pertemuan pada malam itu tanpa disangka-sangka telah 'membenihkan hasil'. Bagaimanapun kehadiran bayi itu tidak disedarinya. Namun ketika berkunjung ke rumah kakaknya untuk beberapa hari, perubahan yang berlaku pada diri Shazlin dapat dihidu. Tanpa berleengah, Shazlin dibawa ke klinik untuk pemeriksaan. Sah! Shazlin mengandung dua bulan. Bermula dari hari tersebut, adik-beradiknya telah membuat keputusan untuk menghantarnya ke pusat pemulihan. Shazlin tidak membantah kerana dia tahu kesilapan yang dilakukan telah malukan keluarganya.


Kes 3



PERCINTAAN yang berputik ketika di bangku sekolah seterusnya berlanjutan sehingga tamat pengajian telah mengeratkan perhubungan mereka. Hasrat untuk berumah tangga akhirnya dicapai walaupun ketika itu, Nurul (bukan nama sebenar) baru mencecah 20 tahun. Teman lelakinya telah masuk meminang tetapi tanpa disangka-sangka pinangan tersebut ditolak oleh keluarga Nurul. Nurul begitu

Nurul yang hanyut dalam adegan percintaan telah melakukan perbuatan yang tidak sepatutnya dilakukan. Mahkotanya telah diserahkan lebih awal sebelum maksud memenangi hati keluarga tercapai

kecewa kerana pilihannya sama sekali tidak mendapat restu daripada keluarganya. Walaupun dilarang oleh keluarga agar Nurul tidak lagi menjalinkan hubungan dengan lelaki tersebut, namun Nurul tidak mengendahkan. Dengan harapan agar suatu hari keluarganya dapat menerima lelaki itu, Nurul tekad. Malah lelaki itu juga tanpa rasa takut telah menghantar dan menjemput Nurul dari rumah ke tempat kerja. "Saya percaya dengan kesungguhan yang ditunjukkan oleh teman lelaki saya, keluarga saya akan menerimanya," katanya. Malangnya dalam usaha meraih hati bakal ibu dan bapa mentua, Nurul yang hanyut dalam adegan percintaannya telah melakukan perbuatan yang tidak sepatutnya dilakukan. Mahkotanya telah diserahkan lebih awal sebelum maksud memenangi hati keluarga tercapai. Nurul mengandug. Berita yang diterima sama sekali mengecewakan hati ibu dan ayah. Keputusan diambil untuk menyerahkan Nurul ke pusat pemulihan. Nurul pasrah dan mengharapkan kandungannya yang berusia tujuh bulan itu, akan menemui keluarga angkat yang boleh menjaga dan memberikan pendidikan yang sempurna apabila bayi tersebut dilahirkan. □



ngecewakan ibu saya," katanya merengung jauh kehidupan masa depan yang akan dilalui. Pada bayi yang bakal dilahirkan, Hanina mengharapkan agar masa depan anaknya tidak akan terjejas ekoran perbuatan terkutuk yang dilakukan.



Kes 2

SHAZLIN, (bukan nama sebenar), 22, tidak menafikan naluri keibuan terhadap anak yang dilahirkan sama sekali tidak membataskan perasaan

sayangnya. Sekali pun anak tersebut anak yang tidak sah taraf, tetapi kelahirannya ke dunia ini adalah angkara sikap remajanya yang suka memberontak. "Nafsu remaja saya telah menghancurkan masa depan saya. Walaupun saya tidak pernah